

Penjelasan ketika menggulung perbahasan

Brutus itu nafsu: Dr M

KUALA LUMPUR, Ahad - Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjelaskan 'Brutus' yang dimaksudkan dalam ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno Ke-38 adalah nafsu pada setiap individu.

Menurutnya, perkataan itu tidak ditujukan kepada individu tertentu, sebaliknya bertujuan mengingatkan ahli Umno mengenai bahayanya mengikut nafsu yang boleh merugikan parti keseluruhannya.

Berucap menggulung perbahasan petang ini, Dr Mahathir berkata, ahli Umno perlu menggunakan akal bukannya nafsu dalam sebarang tindakan mereka bagi menjamin keutuhan parti dalam menghadapi cabaran.

"Semua yang ada di sini ada Brutus dalam hatinya iaitu keinginan membuat sesuatu yang tidak baik dan memberi alasan yang baik. Jangan seorang pun berkata tiada unsur Brutus di dalamnya," katanya sebagai menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh perwakilan mengenai siapakah Brutus'.

Rujukan Brutus disebut oleh Dr Mahathir ketika merasmikan perhimpunan agung itu, Jumaat lalu ketika mengulas petikan drama Shakespeare yang digunakan ahli Umno baru-baru ini. Ia kemudian menimbulkan pelbagai persoalan dan tanda tanya di kalangan perwakilan.

Dr Mahathir juga mengingatkan ahli Umno

jangan mencontohi sifat dan latar belakang Brutus yang sanggup membunuh bapa angkatnya.

"Tiap seorang jangan guna orang seperti itu kerana saya sering mendengar mereka baca Julius Caesar: *It is not that I love Caesar less, but that I love Rome more.*' Ini cuma alasan.

"Kita tak guna alasan macam itu. Kalau kita nak buat baik, kita buat baik. Kalau kita nak buat jahat, kita jangan bagi alasan yang baik," katanya.

Perdana Menteri menegaskan jika ahli parti semua peringkat dapat menghapuskan sifat Brutus maka Umno akan menjadi sebuah parti yang lebih aman selain tidak menggunakan nilai dan perkataan itu.

Menurutnya, tidak mungkin ada ahli sanggup membalas budi yang baik dengan perbuatan yang jahat kerana jika ada sikap sedemikian, maka rugilah parti keseluruhannya.

Dr Mahathir berkata, beliau masih ingat ada orang yang dibantunya dulu cuba merampas tempatnya dan sifat itu bukanlah amalan terbaik membalas budi.

Oleh itu, katanya, ahli semua peringkat perlu mengamalkan nilai mulia dan bersatu-padu.

"Kalau ada perpaduan di kalangan kita, sudah tentu kita akan dapat membangunkan satu bangsa yang berkeupayaan mengatasi dan menangani semua masalah dengan jayanya," katanya.